

Pemulihan COVID-19

# PM terima sumbangan alat perubatan RM2.5 juta

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam menerima sumbangan peralatan perubatan bernilai RM2.5 juta daripada Tropicana Corporation Bhd dan Top Glove Corporation Bhd untuk kegunaan petugas barisan hadapan.

Pada acara ringkas di Perdana Putra di sini, sumbangan Tropicana disampaikan oleh Naib Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Tan Chee Sing, manakala Top Glove diwakili oleh Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Lim Wee Chai.

Tropicana menyumbangkan

peralatan perubatan, iaitu meliputi mesin ventilator, mesin ultrasound dan sut perubatan bernilai RM1.5 juta.

Top Glove pula menyumbangkan tiga juta sarung tangan bernilai RM700,000 serta peralatan perubatan, iaitu ventilator dan sut perubatan bernilai RM300,000.

Menurut kenyataan kedua-dua syarikat itu, Yayasan Golf Amal Tan Sri Muhyiddin akan mengagihkannya kepada hospital dan jabatan kesihatan yang dikenali pasti oleh Kementerian Kesihatan untuk kegunaan petugas barisan hadapan. BERNAMA

BH - 4/7/2020  
M/S: 4



**Muhyiddin bersama** Wee Chai (lima dari kanan) dan Chee Sing (empat dari kiri) di Bangunan Perdana Putra, semalam selepas menerima sumbangan peralatan perubatan daripada Tropicana Corporation dan Top Glove Corporation. (Foto BERNAMA)